# Yayasan Pelajaran Mara lwn Nu-Secure Net – 360 Sdn Bhd

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — GUAMAN NO WA-22NCVC–209–04 TAHUN 2019
LATIFAH TAHAR PK
27 JANUARI 2020

*Prosedur Sivil — Penghakiman terus — Rayuan terhadap penghakiman yang memihak kepada responden — Perayu ditawarkan untuk memberi perkhidmatan membekalkan peralatan-peralatan untuk projek makmal — Sama ada wujud isu untuk dibicarakan — Sama ada terdapat merit dalam pembelaan — Aturan 14 Kaedah-Kaedah Mahkamah*

Ini merupakan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi yang membenarkan permohonan responden satu penghakiman terus dibawah Aturan 14 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012. Responden dalam kes ini telah mengeluarkan satu surat tawaran perkhidmatan yang diserahkan kepada perayu melalui surat setuju terima bertarikh 15 April 2015 ('kontrak tersebut') dan surat setuju terima lantikan daripada pihak perayu bertarikh 16 April 2015. Berdasarkan kontrak tersebut, perayu dikehendaki membekalkan peralatan-peralatan untuk projek makmal Fasa 1 dan Fasa 2. Atas permohonan perayu, responden telah membayar wang pendahuluan yang merupakan 25% nilai tender kepada perayu pada 29 Disember 2015. Responden mengesahkan bahawa setelah membekalkan sebahagian daripada peralatan-peralatan tersebut, pihak defendan masih gagal membekalkan peralatan-peralatan yang sepatutnya dan menyimpan baki wang pendahuluan. Responden menyatakan bahawa defendan telah gagal atau cuai untuk membekalkan semua peralatan sepertimana yang dipersetujui dalam kontrak tersebut. Responden telah menamatkan perkhidmatan pihak perayu melalui surat bertarikh 8 Oktober 2018 dan meminta pihak defendan mengembalikan semua lebihan baki wang pendahuluan kepada responden. Perayu tidak mempertikaikan pernah menerima wang pendahuluan daripada responden, tetapi menyatakan bahawa terdapat isu kewangan yang dihadapi oleh perayu yang telah dibincangkan dalam mesyuarat pada 15 Januari 2018 dan mesyuarat bersetuju jika defendan dapat membekalkan sebahagian daripada peralatan, defendan hanya perlu memulangkan perbezaan wang pendahuluan yang telah dibayar responden pada 29 Disember 2015 dan responden telah pada setiap masa cuba untuk membantu dan memberi beberapa peluang kepada perayu untuk menangani kesulitan-kesulitan yang dialami perayu. Perayu mengemukakan hujahan-hujahan berikut: (a) perayu gagal untuk membekalkan semua peralatan kerana responden gagal untuk menyediakan fasiliti atau lokasi pemasangan serta perabot yang sesuai kepada perayu; (b) perayu menafikan kandungan nota perbincangan; (c) penamatan kontrak tersebut adalah tidak

sah. Isu untuk diputuskan adalah sama ada wujud isu untuk dibicarakan dan sama ada terdapat merit dalam pembelaan.

**Diputuskan**, rayuan ditolak dengan kos sebanyak RM2,000 tertakluk kepada fi alokatur:

(1) Pembelaan defendan membawa isu ketiadaan tapak yang sesuai menyebabkan kelewatan di pihak perayu hampir dua tahun dan semua ini telah menyebabkan pelbagai perubahan drastik dan kesulitan kepada perayu. Dari afidavit kedua-dua pihak dan dokumen yang dibekalkan mahkamah berpendapat bahawa perkara ini telah dibincangkan oleh kedua-dua pihak dalam mesyuarat perbincangan pada 3 Ogos 2017 dan adalah dalam pengetahuan perayu bahawa terdapatnya dua fasa sahaja dalam projek ini. Berdasarkan ekshibit, pembelaan perayu bahawa pihak responden gagal menyediakan fasiliti dan lokasi adalah tidak tepat. Oleh itu, mahkamah berpendapat bahawa tidak timbulnya isu ketiadaan lokasi dan fasiliti oleh pihak responden (lihat perenggan 33 & 35).

(2) Mahkamah berpendapat bahawa isu yang utama dalam kes ini adalah kewangan yang dihadapi oleh perayu yang menyebabkan kelewatan pembekalan. Isu wang pendahuluan telah dibincangkan oleh kedua-dua pihak dan telah dipersetujui bahawa jumlah pendahuluan yang perlu dibayar adalah bergantung kepada perbekalan akhir yang akan dibuat oleh perayu. Walau bagaimanapun perayu masih gagal membekalkan peralatan-peralatan tersebut (lihat perenggan 36 & 40).

(3) Berdasarkan keterangan afidavit dan kronologi kes, mahkamah berpendapat bahawa tiadanya isu triable yang ditimbulkan oleh perayu dalam kes ini yang memerlukan perbicaraan penuh diadakan. Perayu tidak menyangkal tentang wang pendahuluan yang diterima sebanyak RM3,129,355.32 iaitu 25% dari nilai harga tender. Mahkamah berpendapat bahawa baki wang pendahuluan yang masih berada dengan perayu sebanyak RM1,285,162.72 hendaklah dipulangkan kepada responden. Jumlah tersebut adalah jumlah wang yang patut dipulangkan kepada responden berdasarkan peralatan-peralatan yang gagal dibekalkan oleh perayu (lihat perengga 42 & 45).

**[English summary**

This was an appeal against the decision of the High Court which allowed the respondent's application for a summary judgment under O 14 of the Rules of Court 2012. The respondent in this case had issued a letter of offer for service which was served to the appellant vide a letter of acceptance dated 15 April 2015 ('the said contract') and the letter of accepting appointment from the appellant dated 16 April 2015. Based on the said contract, the applicant was required to supply apparatus for a Phase 1 and Phase 2 lab projects. On the application of the appellant, the respondent had paid a deposit which was 25%

of the value of the tender to the appellant on 29 December 2015. The respondent confirmed that after supplying a portion of the said apparatus', the defendant still failed to supply all apparatus as agreed in the said contract. The respondent had terminated the service of the appellant vide a letter dated 8 October 2019 and requests that the defendant return all excess deposit monies to the respondent, but stated that there were financial issues which was faced by the appellant which were discussed in a meeting on 15 January 2018 and the meeting agreed that if the defendant was able to provide a portion of the apparatus', the defendant only needed to return the difference of the deposit which was paid to the respondent on 29 December 2015 and the respondent at all times tried to assist and provide several opportunities to the appellant to deal with the difficulties face by the appellant. The appellant had presented the following arguments: (a) the appellant had failed to supply all apparatus' because the respondent had failed to provide facilities or the location for assembly as well as the furniture which was suitable to the appellant; (b) the appellant denied the contents of the notes of discussion; and (c) the termination of the contract was unlawful. The issue to be determined was whether there existed any issues to be tried or whether there was merit in the defence.

**Held**, dismissing the appeal with costs of RM2,000 subject to allocator fees:

(1) The defence of the defendant that there was no suitable site which caused the delay on the part of the appellant of approximately two ears and this had caused a lot of drastic changes and difficulty to the appellant. From the affidavit of both parties and the document supplied, the court took the view that this matter had been discussed by both parties in the meeting on 3 August 2017 and that the appellant had the knowledge that there were two phases in this project. Based on the exhibits, the appellant's defence that the respondent had failed to provide the facilities and location required. Therefore, the court was of the view that the issue regarding a lack of location and facility provided by the respondent did not arise (see paras 33–35).

(2) The court took the view that the central issue in this case was the finances faced by the appellant which caused the delay in the supply. The issue regarding the deposit was discussed by both parties and it was agreed that the amount of the deposit which was to be paid was dependant to the final supply which will be made by the appellant. However, the appellant continued to fail to supply the said apparatus (see paras 36 & 40).

(3) Based on affidavit evidence and the chronology of the case, the court was of the view that there were not triable issues which were raised by the appellant in this case which would require a full trial. The appellant did not refute the fact that the deposit monies which was received amounting to RM3,129,355.32 being 25% from the value of the tender price. The

court took the view that the balance of the deposit which was still with the appellant amounting to RM1,285,162.72 had to be returned to the respondent. The said amounts was the total of monies which was to be returned to the respondent based on the apparatus' which the appellant failed to supply (see paras 42–45).]

**Kes-kes yang dirujuk**

*Yakinline Marketing Sdn Bhd v Mayban Securities Sdn Bhd* [2013] 5 MLJ 677, MR (dirujuk)

**Undang-undang yang dirujuk**

Akta Syarikat 1965
Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 A 14

*(Kesavan) bagi pihak plaintif.*
*(Khairuddin, Ngam & Tan) bagi pihak defendan.*

**Latifah Tahar PK:**

**[1]** Perayu dalam kes ini tidak berpuas hati terhadap keseluruhan keputusan mahkamah yang diberikan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 14 November 2019 yang membenarkan permohonan responden/plaintif dibawah A 14 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 untuk penghakiman terus terhadap perayu/defendan dengan kos sebanyak RM2,000 tertakluk kepada pembayaran fi alokatur.

**[2]** Tuntutan plaintif terhadap defendan dalam kes ini seperti berikut:

(a) penghakiman untuk jumlah RM1,285,162.72;

(b) faedah keatasnya pada kadar 5% setahun atas jumlah RM1,285,162.72 dari tarikh pemfailan ini sehingga tarikh penghakiman;

(c) faedah 5% setahun dari tarikh penghakiman sehingga tarikh penjelasan dan muktamad; dan

(d) kos.

**[3]** Kertas kausa yang dirujuk dalam permohonan ini seperti berikut:

(a) writ saman dan pernyataan tuntutan bertarikh 3 April 2019;

(b) pernyataan pembelaan dan tuntutan balas defendan bertarikh 4 Jun 2019;

(c) jawapan kepada pembelaan defendan dan pembelaan kepada tuntutan balas defendan bertarikh 4 Jun 2019;

(d) notis permohonan plaintif untuk penghakiman terus bertarikh 28 Ogos 2019;

(e) afidavit sokongan plaintif yang diikrarkan pada 28 Ogos 2019;

(f) afidavit balasan defendan yang diikrarkan pada 18 September 2019; dan

(g) afidavit jawapan plaintif yang diikrarkan pada 3 Oktober 2019.

LATAR BELAKANG

**[4]** Dalam kes ini mahkamah akan merujuk perayu sebagai defendan dan responden sebagai plaintif seperti di Mahkamah Tinggi.

**[5]** Plaintif adalah sebuah perbadanan yang telah ditubuhkan dibawah s 25 Akta Majlis Amanah Rakyat 1996 yang beralamat diaras 17 dan 18 Menara MARA, 232 Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur.

**[6]** Defendan adalah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dibawah Akta Syarikat 1965 dan mempunyai alamat berdaftar di Suite A, No 4, Tingkat 5, Jalan Bangsar Utama 9, Bangsar Utama 59000 Kuala Lumpur dan mempunyai alamat perniagaannya di Suite 8-10, Menara Mutiara Bangsar, Jalan Liku Off Jalan Bangsar, 59100 Kuala Lumpur.

**[7]** Dalam kes ini plaintif telah mengeluarkan satu surat tawaran perkhidmatan yang telah diserahkan kepada pihak defendan melalui surat setuju terima bertarikh 15 April 2015 ('kontrak tersebut') dan surat setuju terima lantikan dari pihak defendan bertarikh 16 April 2015 bagi menyediakan perkhidmatan membekal, memasang, menguji dan mentauliahkan peralatan makmal Kejuruteraan Sains bagi Program Pendidikan Tinggi Malaysia Jepun (MJHEP), Yayasan Pelajaran Mara ('YPM') di MJII, Beranang Selangor dimana nilai tender yang ditawarkan sebanyak RM11,808,888.

(Dikemukakan surat setuju terima bertarikh 15 April 2015 dan surat setuju terima lantikan bertarikh 16 April 2015 yang ditandakan sebagai eksh 'LH1').

**[8]** Mengikut kontrak tersebut pihak defendan dikehendakki membekalkan peralatan-peralatan untuk Projek Makmal Fasa 1 dan Fasa 2. Atas permohonan defendan, pihak plaintif telah membayar wang pendahuluan sebanyak RM3,129,355.32 iaitu 25% daripada nilai tender tersebut kepada defendan pada 29 Disember 2015 (baucar bayaran ditandakan sebagai eksh 'LH2').

**[9]** Plaintif menegaskan bahawa setelah membekalkan sebahagian daripada peralatan-peralatan tersebut. Pihak defendan masih gagal membekalkan

peralatan-peralatan yang sepatutnya dan menyimpan baki wang pendahuluan berjumlah RM1,285,162.72.

KES/HUJAHAN PLAINTIF

*Kegagalan defendan melaksanakan kontrak tersebut*

**[10]** Plaintif menyatakan bahawa pihak defendan telah gagal atau cuai untuk membekalkan semua peralatan sepertimana yang dipersetujui dalam kontrak tersebut.

**[11]** Suatu mesyuarat telah diadakan diantara pihak-pihak pada 15 Januari 2018 untuk membincangkan mengenai kesulitan yang dialami oleh defendan untuk membekalkan peralatan-peralatan tersebut. Pada mesyuarat tersebut telah dipersetujui bahawa jika defendan dapat membekalkan sebahagian daripada peralatan, defendan hanya perlu memulangkan perbezaan wang pendahuluan yang telah dibayar oleh plaintif pada 29 Disember 2015 (nota perbincangan plaintif dan defendan ditandakan sebagai eksh 'LH3').

**[12]** Plaintif telah melalui surat bertarikh 8 Oktober 2018 telah menamatkan perkhidmatan pihak defendan bagi tender membekal, memasang, menguji dan mentauliahkan peralatan makmal kejuruteraan sains bagi Program Pendidikan Tinggi Malaysia Jepun (MJHEP) Yayasan Pelajaran MARA (YPM) di MJII, Beranang Selangor (notis di sebut sebagai 'notis penamatan') dan meminta pihak defendan mengembalikan semula lebihan baki wang pendahuluan sebanyak RM1,285,162.72 kepada plaintif (notis penamatan ditandakan sebagai eksh 'LH4)

**[13]** Plaintif setelah memberikan notis penamatan, defendan masih ada tunggakkan sebanyak RM1,285,162.72 mengambil kira jumlah peralatan yang tertunggak dan terhutang berdasarkan peralatan-peralatan yang gagal dibekalkan oleh defendan untuk Fasa 1 dan Fasa 2 (seperti eksh 'Lampiran A').

*Isu kewangan/bantuan kepada defendan*

**[14]** Defendan tidak pernah mempertikaikan telah menerima wang pendahuluan RM3,129,355.32 sebagai 25% harga tender tersebut dari plaintif dan meninggalkan baki tertunggak sebanyak RM1,285,162.72 terhutang kepada plaintif (eksh 'LH2').

**[15]** Berkaitan pembatalan bank dan fasiliti kewangan yang diperolehi oleh defendan dari Affin Bank Bhd bukanlah disebabkan oleh plaintif tetapi disebabkan kegagalan defendan sendiri dalam berurusan dengan jujur dengan pihak bank.

**[16]** Mesyuarat juga telah diadakan diantara pihak-pihak pada 15 Januari 2018 untuk membincangkan mengenai kesulitan yang dialami oleh pihak defendan. Pada mesyuarat itu dipersetujui bahawa jika defendan dapat membekalkan sebahagian daripada peralatan, defendan hanya perlu memulangkan perbezaan wang pendahuluan yang telah dibayar oleh plaintif pada 29 Disember 2015 (nota perbincangan tersebut telah dikemukakan di eksh 'LH3' afidavit sokongan plaintif).

**[17]** Plaintif pada setiap masa telah cuba membantu dan memberi beberapa peluang kepada defendan untuk menangani kesulitan-kesulitan yang dialami defendan dan beberapa perbincangan telah diadakan diantara kedua-dua pihak seperti mesyuarat pada 3 Ogos 2017 dan 15 Januari 2018.

*Penyediaan lokasi dan fasiliti*

**[18]** Defendan menimbulkan isu makmal yang belum siap dibina yang menjadi alasan defendan sebagai sebab kegagalan membekalkan peralatan mengikut masa yang ditetapkan. Plaintif menyatakan bahawa isu ini tidak timbul disebabkan pembekalan-pembekalan untuk Fasa 1 adalah untuk makmal yang sedia ada dan Fasa 2 adalah untuk makmal baru.

**[19]** Dalam mesyuarat perbincangan pada 3 Ogos 2017 kedua-dua pihak bersetuju tarikh pembekalan peralatan yang terakhir bagi Fasa 1 telah ditetapkan pada 25 Ogos 2017 dan jika defendan gagal mematuhi perjanjian diantara keduanya akan dibatalkan. Rujukan kepada nota perbincangan sebagai eksh 'LH6'.

**[20]** Berikutan dengan alasan diatas dan tiadanya isu triable dan yang bermerit yang ditimbulkan oleh defendan, plaintif telah memfailkan permohonan dibawah A 14 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012.

**[21]** Tuntutan balas defendan tidak akan diprejudiskan jika permohonan ini dibenarkan.

KES/HUJAHAN DEFENDAN

*Plaintif gagal menyediakan fasiliti dan lokasi*

**[22]** Defendan menyatakan bahawa mereka adalah komited untuk membekalkan semua peralatan seperti dalam lampiran A seperti kontrak tersebut, namun defendan tidak dapat berbuat demikian akibat daripada kegagalan plaintif menyediakan fasiliti atau lokasi pemasangan serta perabot yang sesuai kepada defendan bagi tujuan penghantaran dan pemasangan.

**[23]** Berdasarkan kontrak tersebut tempoh penghantaran peralatan yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak adalah tiga bulan dari tarikh kontrak tersebut pada 15 April 2015 bagi Fasa 1 dan lapan bulan dari tarikh kontrak tersebut bagi Fasa 2. Ini bermaksud penghantaran mesti disiapkan sebelum 15 Julai 2015 bagi Fasa 1 dan sebelum 15 Disember, 2015 bagi Fasa 2.

**[24]** Defendan menyatakan bahawa tempoh penghantaran yang dipersetujui itu tidak dapat dipatuhi kerana plaintif gagal menyediakan tapak yang bersesuaian kepada defendan untuk menempatkan peralatan yang ingin dibekalkan.

**[25]** Ketiadaan tapak yang bersesuaian itu telah menyebabkan kelewatan projek selama hampir dua tahun, selanjutnya menyebabkan pelbagai perubahan keadaan drastik serta kesulitan kepada defendan. Antaranya peningkatan kos pelaksanaan terutama pembelian peralatan. Tukaran matawang asing naik secara mendadak dan pembatalan jaminan bank dan fasiliti kewangan yang diperolehi oleh defendan daripada Affin Bank Bhd bagi pelaksanaan kontrak tersebut.

*Defendan mempertikaikan nota perbincangan eksh LH3*

**[26]** Defendan juga menafikan nota perbincangan eksh LH3 yang menunjukkan mesyuarat telah diadakan antara kedua-dua pihak pada 15 Januari 2018 dan 6 Mac 2018. Defendan menafikan dan mempertikaikan kandungan dan kesahihan perbincangan tersebut atas alasan nota tersebut disediakan oleh plaintif dan tidak mengandungi persetujuan atau tandatangan defendan. Pegawai yang mewakili defendan tidak pernah bersetuju dengan apa yang disebut dalam nota perbincangan tersebut.

*Sama ada plaintif telah melanggari kontrak tersebut*

**[27]** Defendan menyatakan bahawa penamatan kontrak tersebut adalah tidak sah dan salah disisi undang-undang dan berunsur mala fide dan plaintif tidak berhak menuntut RM1,285,162.72.

KEPUTUSAN MAHKAMAH

**[28]** Dalam permohonan dibawah A 14 KKM 2012, defendan hendaklah membuktikan bahawa terdapatnya isu yang perlu dibicarakan dan perlu membuktikan bahawa terdapatnya merit dalam pembelaan. Dalam kes ini salah satu isu yang ditimbulkan oleh defendan ialah plaintif telah gagal menyediakan fasiliti atau lokasi pemasangan yang sesuai kepada defendan bagi tujuan penghantaran dan pemasangan.

A **[29]** Projek ini terbahagi kepada dua iaitu Fasa1 dan Fasa 2. Isu yang dibangkitkan diatas oleh defendan tidak ada asas disebabkan pembekalan peralatan makmal adalah mengikut fasa. Fasa 1 adalah makmal yang sedia ada dan Fasa 2 adalah bagi makmal baru. Perkara ini telah dijelaskan semula kepada defendan semasa mesyuarat perbincangan pada 3 Ogos 2017 diantara
B kedua-dua pihak (mahkamah merujuk kepada eksh 'LH6').

**[30]** Jika dilihat kepada kronologi kes ini, pesanan penghantaran telah dikeluarkan pada 17 Ogos 2015 (sesalinan dikemukakan sebagai eksh 'MK3' afidavit defendan). Peralatan yang harus dibekalkan oleh defendan untuk Fasa
C 1 adalah untuk makmal yang sedia ada, walau bagaimanapun defendan telah gagal membekalkan peralatan bagi Fasa 1.

**[31]** Penghantaran pertama untuk 'eksos fan' telah dilakukan pada 29 November 2016 iaitu 12 bulan selepas plaintif membayar wang
D pendahuluan kepada defendan. Plaintif telah membuat pembayaran sebanyak RM4,112.80 pada 9 Disember 2016 (rujuk kepada pesanan penghantaran dan invois dikemukakan sebagai eksh 'MK10' afidavit defendan).

E **[32]** Penghantaran kedua untuk 'stirring hot plate' telah dilakukan pada 10 Januari 2017 dan pembayaran sebanyak RM35,319.20 telah dibuat oleh plaintif pada 2 Mei 2017 (rujuk kepada pesanan penghantaran dan invois bertarikh 10 Januari 2017 sebagai eksh 'LH5'). Tiada isu penghantaran atau lokasi ditimbulkan oleh defendan pada masa permulaan penghantaran.

F

**[33]** Pembelaan defendan membawa isu ketiadaan tapak yang sesuai menyebabkan kelewatan di pihak defendan hampir dua tahun dan semua ini telah menyebabkan pelbagai perubahan drastik dan kesulitan kepada defendan. Dari afidavit kedua-dua pihak dan dokumen yang dibekalkan
G mahkamah berpendapat bahawa perkara ini telah dibincangkan oleh kedua-dua pihak dalam mesyuarat perbincangan pada 3 Ogos 2017 dan adalah dalam pengetahuan defendan bahawa terdapatnya dua fasa sahaja dalam projek ini. Berdasarkan eksibit di atas saya berpendapat bahawa pembelaan defendan bahawa pihak plaintif gagal menyediakan fasiliti dan lokasi adalah tidak tepat.

H

**[34]** Dalam mesyuarat perbincangan yang sama plaintif telah memaklumkan kepada defendan bahawa tarikh pembekalan peralatan yang terakhir bagi Fasa 1 telah ditetapkan pada 25 Ogos 2017. Plaintif juga memaklumkan bahawa jika berlaku kegagalan di pihak defendan, plaintif akan
I membatalkan kontrak tersebut.

**[35]** Berkaitan Fasa 2 makmal baru untuk penghantaran peralatan-peralatan telah siap sekitar Febuari 2017 dan pada masa itu pembekalan peralatan-peralatan bagi Fasa 1 masih belum disempurnakan. Kegagalan

membekalkan peralatan bukannya dilokasi baru tetapi dilokasi yang telah sedia ada iaitu di Fasa 1. Mahkamah berpendapat bahawa tidak timbulnya isu ketiadaan lokasi dan fasiliti dipihak plaintif. Perkara ini juga telah dibincangkan oleh kedua pihak.

**[36]** Dalam mesyuarat yang sama juga defendan telah menimbulkan masalah kewangan yang dihadapi. Plaintif menyatakan bahawa isu kewangan tidak sepatutnya timbul disebabkan wang pendahuluan telah diberikan sebanyak 25% daripada jumlah tender tersebut kepada defendan. Mahkamah berpendapat bahawa isu yang utama dalam kes ini adalah kewangan yang dihadapi oleh defendan yang menyebabkan kelewatan pembekalan.

**[37]** Dalam afidavit balasan defendan sendiri menyebut tentang pelbagai kesulitan kewangan yang dialami oleh defendan termasuklah fasiliti kredit dari Affin Bank. Dari afidavit defendan dan juga plaintif adalah jelas bahawa plaintif telah cuba membantu defendan untuk melanjutkan jaminan bank dan fasiliti kredit defendan sehingga September 2017 (eksh 'MK17') tetapi Affin Bank telah menarik balik jaminan bank dan fasiliti kredit defendan dengan serta-merta atas sebab kelewatan yang berterusan (eksh 'MK18').

**[38]** Perlu juga mahkamah merujuk kepada mesyuarat yang diadakan pada 15 Januari 2018 (eksh LH3). Defendan telah menafikan nota perbincangan tersebut disebabkan tidak ditandatangani oleh defendan. Mahkamah mengambil maklum bahawa dalam mesyuarat perbincangan ini terdapat lima orang wakil daripada syarikat defendan yang menghadiri perbincangan tersebut yang di pengerusikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif YPM. Jika pun defendan membantah tiadanya apa-apa surat yang dikemukkan oleh defendan berkaitan bantahan nota perbincangan tersebut.

**[39]** Mahkamah juga mengambil kira bahawa dalam mesyuarat perbincangan tersebut, walaupun terdapat kegagalan membekalkan peralatan sejak 2 Oktober 2017, plaintif masih memberi peluang kepada defendan untuk membekalkan peralatan yang berada dalam senarai sehingga 28 Februari 2018. Diantara persetujuan pihak-pihak adalah, sekiranya defendan dapat membekalkan sebahagian peralatan, defendan hanya perlu memulangkan perbezaan wang pendahuluan. Perkara ini telah dipersetujui oleh wakil defendan dan akan berbincang dengan plaintif untuk menentukan jumlah akhir wang pendahuluan yang perlu dikembalikan.

**[40]** Apa yang mahkamah ingin tekankan disini adalah isu wang pendahuluan telah dibincangkan oleh kedua-dua pihak dan telah dipersetujui bahawa jumlah pendahuluan yang perlu dibayar adalah bergantung kepada perbekalan akhir yang akan dibuat oleh defendan. Walau bagaimanapun defendan masih gagal membekalkan peralatan-peralatan tersebut.

**[41]** Dari afidavit dan dokumen yang dibekalkan boleh dilihat bahawa plaintif telah memberi pelbagai bantuan dan beberapa peluang kepada defendan untuk membekalkan peralatan supaya pihak defendan tidak mengalami kerugian. Mengikut eksh 'LH4' pihak plaintif telah bersetuju memberi peluang terakhir supaya perbekalan dibuat pada 30 September 2018 sebelum tindakan undang-undang diambil. Walaupun beberapa kali peluang diberikan untuk defendan membekalkan peralatan tetapi defendan masih gagal melaksanakan kontrak tersebut.

**[42]** Dari keterangan afidavit dan kronologi kes, mahkamah berpendapat bahawa tiadanya isu triable yang ditimbulkan oleh defendan dalam kes ini yang memerlukan perbicaraan penuh diadakan. Defendan tidak menyangkal tentang wang pendahuluan yang diterima sebanyak RM3,129,355.32 iaitu 25% dari nilai harga tender.

**[43]** Sebelum penamatan kontrak tersebut beberapa siri mesyuarat perbincangan dan peluang telah diberikan oleh plaintif kepada defendan untuk melaksanakan kontrak tersebut. Notis penamatan kontrak yang dikeluarkan pada 8 Oktober 2018. adalah sah dan teratur. Berakibat dari notis penamatan tersebut jumlah sebanyak RM1,285,162.72 baki wang pendahuluan masih disimpan oleh defendan.

**[44]** Mahkamah merujuk kepada kes *Yakinline Marketing Sdn Bhd v Mayban Securities Sdn Bhd* [2013] 5 MLJ 677 yang telah diputuskan oleh Mahkamah Rayuan seperti berikut:

> The facts of this case showed the existence of a contingent contract within the meaning of the contracts Act 1950 wherein both parties to the contract had obligations to perform. The provisions relating to conditions precedent to be fulfilled within a given date had to be construed strictly. If the conditions precedent or any of them could not be performed by the stipulated date, and no extension was given pursuant to the contract if so provided, the contract becomes void. Any deposit given consequently had to be refunded.

**[45]** Mengambil kira keputusan diatas saya berpendapat bahawa baki wang pendahuluan yang masih berada dengan defendan sebanyak RM1,285,162.72 hendaklah dipulangkan kepada plaintif. Jumlah tersebut adalah jumlah wang yang patut dipulangkan kepada plaintif berdasarkan peralatan-peralatan yang gagal dibekalkan oleh defendan seperti di lampiran A.

**[46]** Atas alasan-alasan diatas mahkamah membenarkan permohonan plaintif di kandungan 9 dengan kos sebanyak RM2000 tertakluk kepada fi alokatur.

*Rayuan ditolak dengan kos RM2,000.*

Dilaporkan oleh Izzat Fauzan